



## Apakah Malaysian Health Information Exchange (MyHIX)?

Adalah perkongsian maklumat ringkasan discaj pesakit di antara fasiliti yang mempunyai sistem aplikasi *Hospital Information System (HIS)* dan *Clinic Information System (CIS)*, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ringkasan discaj pesakit mengandungi ringkasan maklumat perawatan pesakit seperti biodata, sejarah, pemeriksaan fizikal, diagnosa masalah kesihatan, ujian dan keputusan makmal dan jenis rawatan yang diterima.

## Kenapa MyHIX dilaksanakan?

Dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan penjagaan kesihatan.

## Di manakah MyHIX dilaksanakan?

Dilaksanakan di empat (4) buah fasiliti sebagai projek perintis, iaitu:

- Hospital Putrajaya
- Klinik Kesihatan Presint 9
- Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban
- Hospital Port Dickson

## Apakah faedah MYHIX?

1. Asas untuk perwujudan satu rekod kesihatan sepanjang hayat untuk individu.
2. Asas untuk penjagaan susulan di mana-mana fasiliti kesihatan yang berdekatan untuk keselesaan dan kemudahan pesakit.

3. Mengurangkan pemeriksaan makmal yang berulang dan bertindih.
4. Membolehkan rawatan yang tepat dan pantas diberikan terutama dalam situasi kecemasan.

## Bagaimana MyHIX dilaksanakan?

Semua pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti ini secara automatik menggunakan sistem MyHIX.

Kerahsiaan dan keselamatan maklumat perubatan anda adalah terjamin kerana ia dikendalikan mengikut peraturan dan undang-undang Kerajaan. Hanya Pegawai Perubatan yang merawat anda sahaja boleh mengakses maklumat perubatan anda.

## Apakah yang berlaku sekiranya saya tidak bersetuju?

Sekiranya anda tidak bersetuju, anda perlu melengkapkan **Borang Pengecualian Kemasukan Maklumat Klinikal ke MyHIX**.

## Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut?

Sila rujuk Pegawai Perubatan yang merawat anda.

